

# **PENGLIBATAN USAHAWAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR PELANCONGAN : SATU KAJIAN KES DI KAWASAN BANDAR HILIR, MELAKA.**

Shahrin Bin Hashim & Goh Lay Kim  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**ABSTRAK:** Sektor pelancongan merupakan penyumbang kedua terbesar dalam konteks ekonomi Malaysia sepanjang tahun 2006 dengan menyumbang sejumlah RM36.21 juta kepada ekonomi Malaysia. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan di kawasan Bandar Hilir, Melaka. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang usahawan bumiputera, ciri-ciri usahawan bumiputera, dorongan kepada usahawan bumiputera yang terlibat dalam keusahawanan pelancongan, dan masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan. Kajian ini telah dijalankan ke atas 41 orang responden. Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah dengan menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Instrumen kajian adalah soal selidik yang mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A adalah item demografi dan bahagian B adalah menjawab persoalan kajian. Hasil soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS versi 13.0. Hasil kajian mendapati keempat-empat faktor penglibatan usahawan banyak mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor ini. Bagaimanapun, ciri-ciri usahawan merupakan faktor yang paling mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dengan skor min 3.9122. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai ciri-ciri keusahawanan namun masih kekurangan pendedahan prosedur peminjaman modal dan pengetahuan maklumat.

**ABSTRACT:** Sektor pelancongan merupakan penyumbang kedua terbesar dalam konteks ekonomi Malaysia sepanjang tahun 2006 dengan menyumbang sejumlah RM36.21 juta kepada ekonomi Malaysia. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan di kawasan Bandar Hilir, Melaka. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang usahawan bumiputera, ciri-ciri usahawan bumiputera, dorongan kepada usahawan bumiputera yang terlibat dalam keusahawanan pelancongan, dan masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan. Kajian ini telah dijalankan ke atas 41 orang responden. Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah dengan menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Instrumen kajian adalah soal selidik yang mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A adalah item demografi dan bahagian B adalah menjawab persoalan kajian. Hasil soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS versi 13.0. Hasil kajian mendapati keempat-empat faktor penglibatan usahawan banyak mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor ini. Bagaimanapun, ciri-ciri usahawan merupakan faktor yang paling mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dengan skor min 3.9122. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai ciri-ciri keusahawanan namun masih kekurangan pendedahan prosedur peminjaman modal dan pengetahuan maklumat.

Kata Kunci: SPSS, Sektor Pelancongan, Melaka

## **PENGENALAN**

Dalam konteks dunia hari ini, pelancongan merupakan salah satu kegiatan ekonomi dan sosial yang semakin penting. Jumlah pelancong dalam negeri dan antarabangsa semakin meningkat malah, beberapa buah negara di dunia kini memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama yang menjana pendapatan

negara (Inskeep, 1996). Pelancongan juga merupakan sektor yang melibatkan peranan penting saling kaitan antara pihak kerajaan, bukan kerajaan dan juga orang awam (Salah Wahab dan Cooper, 2003).

Untuk memajukan sektor pelancongan, usahawan memainkan peranan yang penting. Keusahawanan dan pembentukan urus niaga baru penting bagi mencipta dan mengekalkan ekonomi yang sihat kerana ia mencipta peluang-peluang pekerjaan baru, menambah keupayaan eksport negara dan pertumbuhan ekonomi. Seseorang usahawan berfungsi sebagai pembangunan ekonomi negara dan dunia. Hal ini diakui oleh Gilder (1984) dalam kenyataannya, 'Para usahawan faham akan hukum-hukum alam dan hukum-hukum Tuhan. Mereka memakmurkan dunia. Dalam kerjaya mereka, mereka tidak tamak akan keuntungan, dan langsung tidak pedulikan keseimbangan pasaran. Mereka menghapuskan kemapanan, bukan keseimbangan. Merekalah wira sebenar ekonomi'. (*It is the entrepreneurs who know the rules of the world and the laws of the God. They sustain the world. In their careers, there is little of optimizing calculation, nothing of delicate balance of markets. They overthrow establishments rather than equilibrium. They are the heroes of economic life*). [Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun, 2003]

### **Pernyataan Masalah**

Usahawan bumiputera sering menghadapi masalah dalam bidang keusahawanan pelancongan. Mereka tidak dapat bersaing dengan kebanyakan usahawan kaum lain disebabkan oleh sebab-sebab tertentu. Oleh itu, pengkaji ingin meninjau sejauh mana penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan khususnya di kawasan Bandar Hilir, Melaka. Kajian ini juga telah mengenalpasti penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan dari aspek latar belakang usahawan bumiputera, ciri-ciri usahawan, masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera dan dorongan yang diberikan oleh pihak kerajaan dapat membantu usahawan tersebut.

### **Objektif Kajian**

- 1 Mengenalpasti latar belakang usahawan bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka.
- 2 Mengenalpasti ciri-ciri usahawan bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka.
- 3 Mengenalpasti sebab-sebab yang mendorong usahawan bumiputera melibatkan diri dalam keusahawanan pelancongan di kawasan Bandar Hilir, Melaka.
- 4 Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah untuk meninjau penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan. Antara kepentingan kajian ini adalah:

- 1 Menjadi sumber bahan rujukan kepada mereka yang berminat dalam membuat kajian mengenai penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan.
- 2 Menjadi pencetus kepada pengkaji-pengkaji untuk mengkaji dengan lebih meluas mengenai sektor pelancongan dan keusahawanan yang diceburi oleh kaum bumiputera.
- 3 Menjadi sumber rujukan tambahan dalam bidang keusahawanan di Malaysia.

## **METODOLOGI**

### **Populasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di kawasan Bandar Hilir, Melaka. Rasionalnya memilih tempat ini sebagai tempat kajian kerana kawasan ini adalah kawasan penumpuan kaum bumiputera dan terdapat banyak tempat pelancongan. Oleh yang demikian, para usahawan bumiputera menjadi populasi kajian ini.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang telah digunakan dalam kajian ini ialah kaedah soal selidik. Mengikut Mohd Najib (1999), soal selidik merupakan satu alat ukur dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, kehendak dan sebagainya.

Menurut Oppenheim (dalam Mohd. Najib, 1999) instrumen ini selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan, selain keterangan latar belakang.

Mengikut Mohd. Sheffie Abu Bakar (1991) menyatakan bahawa soal selidik merupakan nadi penyelidikan dengan erti kata lain ia merupakan pengganti diri penyelidik. Soal selidik boleh diagihkan dengan cepat, mudah dan meliputi kawasan yang luas. Dengan itu, ia menjimatkan masa dan kos penyelidik.

Alat pengumpulan data ini disediakan sendiri oleh penyelidik setelah merujuk kepada bimbingan penyelia. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan Bahagian B.

#### **1. Bahagian A**

Bahagian A mengandungi soalan-soalan senarai semak. Responden hanya perlu memberi jawapan dengan menanda salah satu pilihan jawapan (Mohd Najib, 1999). Bahagian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat latar belakang responden.

#### **2. Bahagian B**

Bahagian B mengandungi soalan-soalan berskala kadar yang dibina dengan menggunakan Skala Likert lima pemeingkatan. Mengikut Mohd Najib 1999, responden memilih jawapan daripada satu kontinum (ekstrem ke ekstrem). Bahagian ini mengandungi item-item yang berkaitan dengan empat persoalan kajian penyelidikan.


### **Kajian Rintis**

Menurut Mohd. Najib (2003), tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Kajian rintis ini diadakan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Selain menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik untuk mentadbir instrumen, mengenai sampel dan mengenal kesesuaian kaedah analisis.

Menurut Abu Hassan dalam Rohana (2000), bagi tujuan kajian rintis bilangan responden yang tidak lebih 20 orang adalah dianggap sesuai untuk penyelidik yang melibatkan soal selidik. Oleh itu, bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen, penyelidik telah mengambil 10 orang responden secara rawak mudah untuk menjawab soal selidik ini. Kajian rintis ini dijalankan ke atas usahawan bumiputera di Danga Bay, Johor Bahru. Kawasan ini dipilih kerana ia mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Melaka iaitu kawasan pelancongan orang ramai dan kebanyakannya diusahakan oleh usahawan bumiputera.

Hasil dapatan daripada kajian rintis ini, penyelidik telah mencari nilai Alpha Cronbach ( $\alpha$ ) bagi keseluruhan soal selidik ini dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 13.0 for Windows*. Menurut Fraenkel (1990) kaedah Alpha Cronbach ( $\alpha$ ) digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan item soal selidik. Dapatan menunjukkan nilai alpha yang diperolehi adalah 0.868. Ini menunjukkan bahawa set soal selidik ini boleh digunakan dalam kajian sebenar kerana menunjukkan kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60.

### Prosedur Kajian



**Rajah 1**      **Prosedur Pengendalian Kajian**

## **PERBINCANGAN**

### **Perbincangan latar belakang usahawan bumiputera.**

Hasil daripada kajian ini, didapati kebanyakan usahawan bumiputera menjalankan perniagaan yang berorientasikan makanan diantaranya restoran dan yang lain adalah kedai menjual barangan harian serta barangan perhiasan. Perniagaan yang dijalankan merupakan premis kekal yang menjual barangan harian, barangan perhiasan, dan barangan kraftangan kepada para pelancong. Mereka mempunyai pelanggan tetap iaitu penduduk sekitar kawasan Bandar Hilir dan juga para pelancong yang datang. Kenyataan ini adalah selaras dengan pendapat Mansor Latif (1979) yang menyatakan peniaga kedai tunggal mementingkan langganan tetap daripada pergi ke kawasan yang lain.

Terdapat 82.93% responden menyatakan bahawa taraf hidup yang lebih baik membuatkan responden menceburkan diri dalam bidang usahawan pelancongan ini. Ini disebabkan dengan pendapatan yang responden dapat hasil daripada usaha mereka adalah memuaskan. Responden perlu pandai bergaul dengan para pelancong supaya pelancong faham apa yang hendak disampaikan oleh responden. Ini bermakna dengan menglibatkan diri dalam bidang ini dapat meningkatkan taraf hidup usahawan.

Taraf pendidikan tidak menjadi masalah kepada responden untuk menglibatkan diri dalam bidang keusahawanan kerana terdapat 53.66% responden tidak setuju menglibatkan diri dalam bidang ini memerlukan taraf pendidikan yang tinggi. Pada pandangan responden, mereka hanya perlu mengetahui selok-belok menjalankan perniagaan adalah penting. Misalannya, mengetahui cara untuk menguruskan stok dan sebagainya. Daripada itu, dapat dikesan bahawa usahawan bumiputera tidak mementingkan taraf pendidikan bagi melibatkan responden dalam bidang ini. Kenyataan ini adalah selaras dengan pandangan Yep Putih (1985) yang menyatakan bahawa kelulusan akademik dan teknikal bukan menjadi syarat utama menjadi usahawan.

Menceburkan diri dalam bidang ini boleh menyebabkan status sosial responden meningkat mendapat persetujuan sebanyak 75.61%. Ini disebabkan responden boleh bergaul dengan para pelancong dan mengetahui latar belakang pelancong serta mengetahui latar belakang negara para pelancong. Daripada itu, usahawan boleh menceritakan kepada kawannya yang tidak tahu kesemua itu. Maka status sosial responden dikatakan meningkat. Kenyataan ini turut disokong oleh Hisrich & Peter (1992) yang menyatakan bahawa faktor status sosial mempengaruhi seseorang menjadi usahawan.

Tambahan pula, pengalaman bekerja adalah aspek yang penting bagi menggalakkan responden menglibatkan diri dalam sektor pelancongan ini. Sebanyak 68.29% menyatakan bahawa pengalaman adalah faktor yang menggalakkan mereka menceburkan diri dalam bidang ini. Ini adalah kerana responden mengetahui selokbelok untuk menjalankan perniagaan daripada pengalaman yang telah dilaluinya sebelum ini dan kenyataan ini turut disokong oleh oleh Hisrich & Peter (1992).

Selain itu, sektor pelancongan yang semakin membangkit di Melaka juga menarik hati usahawan untuk melibatkan diri dalam bidang ini. Disebabkan Melaka adalah Tapak Warisan Dunia maka pelancong yang datang ke Melaka adalah lebih ramai lagi berbanding dengan tahun yang lalu. Ini merupakan peluang keemasan kepada para usahawan menceburkan diri dalam sektor pelancongan tetapi terdapat juga usahawan yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Fenomena ini terjadi kerana pada pandangan para usahawan, para pelancong hanya dibawa ke destinasi dan bukan disekitar destinasi pelancongan. Oleh yang demikian, para usahawan kurang mendapat pendapatan yang lumayan walaupun berada di sektor pelancongan.

Di samping itu, kebanyakan usahawan bumiputera masih kurang memperlengkapkan diri dengan kursus-kursus dan latihan keusahawanan. Ini adalah kerana pada pandangan responden, pengalaman adalah lebih penting daripada pembelajaran. Oleh itu, umur bukan menjadi penghalang kepada responden untuk berjuang kerana responden mempunyai pengalaman menguruskan perniagaan responden. Kenyataan ini turut disokong oleh 80.49% responden yang menyatakan bahawa umur bukan sebab utama responden melibatkan diri dalam sektor ini tetapi dibantah oleh Hisrich & Peter (1992) yang menyatakan bahawa umur dan pengalaman adalah aspek yang penting bagi usahawan.

Kesimpulannya, latar belakang usahawan tidak menjejaskan penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan ini. Ini adalah kerana pada perspektif responden, menceburkan diri dalam bidang ini dapat meningkatkan status sosial responden dan responden berasa lebih berjaya dalam menceburkan diri dalam sektor ini.

## **RUMUSAN**

Hasil daripada perbincangan, kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan objektif kajian ialah:

1. Kebanyakan responden adalah orang yang ingin berjaya dalam bidang keusahawanan. Dengan itu, responden adalah golongan yang berpandang jauh ke hadapan dan berkeyakinan tinggi terhadap diri. Semangat itulah yang membantu responden berjaya di dalam bidang usahawan pelancongan tetapi ini sering disekat oleh kekurangan sokongan dari ahli keluarga responden.
2. Ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang usahawan bumiputera menjadi masalah kerana kebanyakan kriteria yang perlu ada pada seseorang usahawan itu, usahawan bumiputera perlu ada dalam memulakan perniagaannya. Masalahnya ialah keinginan diri responden dalam melibatkan diri dalam bidang keusahawanan ini.
3. Faktor yang mendorong responden menjadi usahawan adalah faktor luaran iaitu pengiklanan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelancongan, kemasukan agensi pelancongan dari luar negara, penambahbaikan persekitaran Melaka, serta pengiktirafan Tapak Warisan Dunia.
4. Masalah yang sering dihadapi oleh responden dalam perniagaan ialah susah untuk mendapatkan modal dan terdapat banyak persaingan luar. Masalah ini menjadi halangan utama kepada perkembangan perniagaan usahawan bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka.

## **RUJUKAN**

- Ab. Aziz Yusof. (2001). *Usahawan dan Keusahawanan : satu Penilaian*. Universiti Utara Malaysia.
- Adnan Alias (1997). *Usahawan dan Keusahawanan* dalam MEDEC Keushawanan Shah Alam : Biroteks.
- Alvaro Cuervo, Domingo Ribeiro, Salvador Roig (2007). *Entrepreneurship: Concept, Theory and Perspective*. New York: Springer Berlin Heidelberg.
- Ary, Donald (1996). *Introduction to Research in Education*. Fort Worth, Tx: Harcourt Brace College Pub.
- Azizi Yahaya et.al (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Barjoiyai Bardai Mohd. Fairuz Md. Salleh. (1998). *Siri Pengurusan dan Perniagaan Utusan : Peluang Perniagaan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Che Ani Mad, Mohamad Amin Mad Idris, Mohd. Rushdi Idrus, Muhd. Iskandar Zulkarnain Muhd. Suhaimi. (2004). *Keusahawanan Pelancongan Potensi & Isuisu Semasa*. Universiti Utara Malaysia.

Cooper, Christopher (2003). *Classic Review in Tourism*. Cleve don: Channel View Books.

Fraekel, Jack R. (1932). *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.

Inskeep, Edward (1996). *Perancangan Pelancongan: Pendekatan Pembangunan Bersepadu dan Berkekalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Institut Teknologi MARA (1992). *Asas Keusahawanan*. Shah Alam : Biroteks (Biro Penyediaan Teks).

Kevin K. F. Wong, Haiyan Song (2002). *Tourism Forecasting and Marketing*. New York: The Haworth Hospitality Press.